

# PEMIKIRAN DAKWAH AL-FARUQI: KAJIAN DARI SUDUT METODOLOGI DAN ISI KANDUNGANNYA

Ahmad Sabri Osman<sup>1</sup>, Mohd Farid Mohd Sharif<sup>2</sup> and Raihaniah Zakaria<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM (Perlis), 02600 Arau, Perlis, Malaysia.

<sup>2</sup>Bahagian Pengajian Islam, Pusat Peng. Ilmu Kemanusiaan, USM, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.

<sup>3</sup>Jab. Pendidikan Islam dan Moral, IPGM, Kampus Perlis, 01000 Kangar, Perlis, Malaysia.

<sup>1</sup>ahmadsabri@perlis.uitm.edu.my; <sup>2</sup>faridusm@yahoo.com; <sup>3</sup>raihaniah@yahoo.com

## ABSTRACT

*This paper is a study of the concept and the thinking of dakwah adopted by Isma'il Raji al-Faruqi. He was a very well-known Muslim figure in the field of philosophy, comparative religion and pioneering efforts for interfaith dialogue in the West. He was also a very active figure in doing the works of dakwah to the whole world. Data was collected through secondary research methods. The initial findings generally show that al-Faruqi employs the methods of al-Quran and rationality in conveying dakwah. While the content of dakwah itself is an elaboration of the concept of tawhid promulgated by him. The concept of tawhid according to al-Faruqi is a broad concept involving all aspects of life, including history, comparative religion, philosophy, ethics, epistemology, anthropology and others. Based on the al-Faruqi's observation and analysis, the problems of ummah begin when the thought, civilization and cultural aspect were segregated from the concept of tawhid. On this understanding of the problems, al-Faruqi forms and develops the concept of tawhid. He also invites all Muslims to return to tawhid as the turning point for the development of thought, culture and civilization of the nation.*

**Keywords:** thought; dakwah; al-Faruqi; methodology; content.

## ABSTRAK

*Kertas ini bertujuan mengkaji konsep dan pemikiran dakwah tokoh ilmuwan Muslim zaman moden yang terkenal di dunia Islam dan Barat iaitu Isma'il Raji al-Faruqi. Beliau merupakan tokoh yang bergiat cergas menyampaikan dakwah ke seluruh dunia. Beliau terkenal dalam bidang falsafah dan perbandingan agama serta mempelopori usaha-usaha dialog antara agama. Data-data dikutip menggunakan Metode kajian sekunder sepenuhnya. Hasil kajian awal mendapati secara umumnya, al-Faruqi menggunakan metode al-Quran dan hujah akal dalam menyampaikan dakwah manakala isi kandungan dakwah pula merupakan huraian konsep tauhid yang digagaskannya. Konsep tauhid al-Faruqi merangkumi spektrum yang luas merangkumi sejarah, perbandingan agama, falsafah, etika, epistemologi, antropologi dan lain-lain. Berdasarkan pengamatan dan analisis al-Faruqi, semua permasalahan ummah*

*bermula apabila terpisahnya pemikiran, tamadun dan kebudayaan ummah daripada konsep tauhid. Atas kesedaran itulah, al-Faruqi menggagas konsep tauhid dan mengajak seluruh umat Islam kembali menghayati tauhid sebagai turning point bagi membangunkan semula pemikiran, kebudayaan dan tamadun ummah.*

**Kata kunci:** pemikiran; dakwah; al-Faruqi; metodologi; isi kandungan.

## 1. PENDAHULUAN

Isma'il Raji al-Faruqi (1921-1986) merupakan seorang sarjana Islam yang terkemuka di dunia Islam dan Barat. Antara sarjana yang mengakui kehebatan al-Faruqi ialah Fazlur Rahman (1919-1988) yang menyifatkan al-Faruqi sebagai “*guerilla scholar*” kerana ketinggian ilmunya. John. L. Esposito (1946-) yang merupakan pelajar ijazah kedoktoran di bawah seliaan al-Faruqi menganggap al-Faruqi sebagai *mujahid* yang menyerahkan seluruh hayatnya kepada perjuangan. Beliau ketika hayatnya merupakan seorang tokoh pemikir Islam moden yang terkenal di dalam bidang dialog antara agama. Menurut Mohamad Rosyidi Othman (2009), beliau sentiasa cuba menghubungkan antara Timur dan Barat melalui konsep dialog antara agama. Beliau tidak pernah jemu dengan kerjanya dan banyak masanya dihabiskan untuk memberi kefahaman mengenai orang Kristian dan Islam sama ada dalam negara mahupun antarabangsa. Ini diakui sendiri oleh pelajarnya iaitu John L. Esposito (1940-) yang mengakui sumbangan al-Faruqi melalui penulisan dan kajian tentang Islam dan agama-agama lain khususnya Yahudi dan Kristian dengan terbitnya buku *Islam and Other Faiths* dan *Christian Ethics* (Esposito 1998). Stanley Brice Frost (1938-), Dekan, Fakulti Teologi Universiti McGill pada waktu itu menyatakan bahawa al-Faruqi merupakan seorang pendebat yang berpegang teguh dengan prinsipnya, rakan yang suka mendorong dan sahabat yang pemurah. Frost (1998) mengiktiraf al-Faruqi sebagai manusia dua dunia, Barat dan Timur. Dalam kata pengantarnya terhadap buku *Christian Ethics*, Frost menulis bahawa kajian ini merupakan pendedahan yang paling hebat tentang agama Kristian yang mana beberapa cendekiawan agama Kristian telah menghargai kedalaman analisis dan kehebatan kajiannya. Beliau juga mendakwa bahawa buku tersebut merupakan satu-satunya hasil kajian yang pertama dilakukan oleh orang Timur dengan menggunakan segala teknik-teknik yang digunakan oleh intelektual Barat. “Buku yang luar biasa” itu dihasilkan oleh seorang “lelaki yang luar biasa” yang berpendidikan tinggi dan sangat menghayati agamanya (Muhammad Shafiq, 1994).

## 2. PENGERTIAN PEMIKIRAN DAN DAKWAH

Sebelum dipanjangkan perbincangan berkenaan tajuk ini, terlebih dahulu penulis menghuraikan pengertian bagi istilah pemikiran dan dakwah supaya pembaca dapat memahami tulisan ini dengan lebih jelas lagi.

Perkataan “pemikiran” terbit daripada perkataan asalnya iaitu “fikir” yang bererti perihal berfikir (Noresah Baharom, 2007). Menurut *New Standard Encyclopedia*, pemikiran atau dalam bahasa Inggeris “*thought*” ialah hasil kerja berfikir sama ada melalui usaha menghimpun, memberi pendapat atau mengeluarkan keputusan (Goodlad, 1980). Dalam bahasa Arab, ia berasal daripada perkataan “*fakkara*” yang bererti memikirkan atau bertafakur. Daripada perkataan itu, ia melahirkan kata terbitan iaitu “*tafakkuran*” yang bererti pemikiran, renungan, ilham, tafakur dan taakulan (Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri

Zainuddin, & Mohd Fuad Mohd Isa, 2008). Daripada definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa maksud pemikiran ialah hasil kerja berfikir seseorang sama ada pemikiran itu datang daripada fikirannya sendiri atau daripada sumber lain yang dihimpunkan seseorang yang melahirkan suatu pemikiran tertentu tentang sesuatu perkara.

Sementara itu, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931-) menjelaskan bahawa pemikiran itu ialah pergerakan daya kerohanian dalam mencari maksud tentang sesuatu. Pencarian yang dimaksudkan di sini ialah melalui pembuktian dalil agama atau melalui kebenaran yang telah tersendirinya wujud dalam maksud sesuatu itu. Usaha ini melibatkan penggunaan unsur-unsur seperti imaginasi (*al-khayal*), intuisi (ilham) sama ada dalam bentuk kesedaran dengan hikmah (*al-hads*) mahupun pengalaman iluminatif (*al-wijdan*) (al-Attas, 2001; 2007).

Wan Mohd Nor seterusnya menyatakan bahawa pemikiran merupakan satu proses keilmuan yang tinggi dan serius. Pemikiran juga mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan sesuatu proses penyelidikan. Beliau turut menganggap bahawa pemikiran adalah satu ijtihad yang harus dihormati, disokong dan dimuliakan (Wan Mohd Nor Daud, 1997).

Jadi, penulis menyimpulkan maksud pemikiran ialah suatu usaha yang serius dalam menggunakan akal fikiran dengan menggunakan dalil agama dan rasional melalui penggunaan unsur imaginasi, intuisi atau iluminatif dalam mencari kebenaran sesuatu perkara dan hasilnya merupakan suatu ijtihad yang perlu dihormati.

Perkataan dakwah pula dari segi bahasa bererti menyeru iaitu kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan (Noresah, 2007). Jika dakwah kepada Islam bererti menyeru kepada agama Islam (Al-Khudrawi, 2010). Dari segi istilah, al-Sayyid al-Wakil menjelaskan bahawa dakwah itu bererti mengajak manusia kepada kebaikan dan berusaha bersungguh-sungguh dalam semua bidang kehidupan yang pelbagai (Al-Sayyid al-Wakil, 1994). Menurut Muhammad al-Ghazali al-Saqqa (1917–1996) pula, dakwah ialah usaha membawa manusia kepada agama Allah dengan cara yang sesuai bagi menjamin kesejahteraan hidup. Dengan kata lain, ia adalah satu proses mengajak manusia ke jalan Allah oleh pendakwah kepada *mad'unya* (sasaran) dengan maksud segala perlakuan dan tindakannya akan mendapat keredaan Allah SWT. Ajakan itu seterusnya membawa kepada kesejahteraan hidup *mad'u* (Mahmud, 1992). Walaupun istilah dakwah mempunyai maksud yang tersendiri mengikut peristilahan ahli dakwah, namun Ab. Aziz Mohd Zin (1997) menegaskan secara asasnya dakwah adalah usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia menuju keredaan Allah. Jadi, setiap usaha yang membawa kepada kesejahteraan hidup yang berteraskan Islam termasuk dalam usaha dakwah (Ab. Aziz Mohd Zin, 2000).

H. M. Ariffin pula mendefinisikan dakwah sebagai suatu kegiatan mengajak manusia dalam bentuk lisan yang dilakukan secara sedar dan berencana dalam usaha mengajak orang lain, sama ada secara individu atau kelompok supaya timbul dalam diri suatu pengertian, kesedaran, sikap, penghayatan dan pengamalan terhadap ajaran yang disampaikan kepada mereka dengan menolak unsur-unsur paksaan (Ariffin, 1991). Berdasarkan kepada definisi tersebut, beberapa inti pati dapat dicungkil daripadanya iaitu berlakunya aktiviti mengajak dalam proses ini, adanya suatu bentuk tertentu dalam kegiatan ini sama ada lisan, tulisan atau tingkah laku, kegiatan tersebut dilakukan secara sedar dan berencana serta bertujuan untuk mempengaruhi orang lain secara sukarela tanpa unsur paksaan dan ia dilakukan bagi

menimbulkan kesedaran, penghayatan dan perubahan diri ke arah kebaikan (Ab. Aziz Mohd Zin & Yusmini Md. Yusoff, 2001).

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2006), dakwah ialah usaha membawa kebaikan dalam semua aspek kehidupan untuk mencapai matlamat hidup. Ia termasuk usaha mengubah kedudukan sasarannya kepada yang lebih baik melalui pelbagai cara yang disusun rapi bagi menjamin keberkesannya. Maka dakwah adalah usaha untuk membawa manusia ke arah yang sesuai dengan kejadiannya yang mulia melalui pelbagai cara yang boleh mempengaruhinya. Jika dakwah dilakukan kepada orang Islam, ia bererti usaha untuk mempertingkatkan kualiti orang Islam supaya selaras dengan status agamanya. Jika ia dilakukan kepada orang bukan Islam, ia bertujuan untuk membawa cahaya Islam dan ketinggiannya. Dakwah bukan sahaja mengajak dalam bentuk lisan, tetapi juga penampilan dan penonjolan yang boleh mempengaruhi kumpulan sasar ke arah matlamatnya.

Daripada definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa dakwah merupakan suatu tindakan sama ada berbentuk lisan atau tulisan dengan niat supaya manusia kembali mentaati perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya kerana dengan sebab itulah, keredaan Allah akan dapat dicapai. Apabila Allah meredai kumpulan manusia itu, maka hasilnya ialah *Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur* (QS Saba' 34: 15). Ia boleh dilakukan sama ada secara individu mahupun berkumpulan tetapi apa yang penting ialah pendakwah tidak memaksa golongan yang didakwahnya supaya menerima ajakan dan menganut kepercayaannya kerana ia bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Gaya berdakwah secara pujukan dengan menggunakan perkataan yang terbaik dan penuh hikmah hendaklah sentiasa diamalkan.

### 3. METODOLOGI DAKWAH

Pelbagai pendekatan boleh digunakan dalam berdakwah asalkan ia selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak. Al-Faruqi juga mempunyai pendekatan tersendiri dalam berdakwah antaranya ialah:

#### 3.1 Dakwah Bukan Paksaan

Menurut al-Faruqi, menyeru bukanlah suatu paksaan sesuai dengan firman Allah yang bermaksud: "*Tiada paksaan dalam agama*" (QS al-Baqarah 2: 256). Objektif dakwah hanya tercapai melalui persetujuan bebas daripada orang yang diseru. Maka seruan yang menggunakan paksaan adalah bertentangan dengan objektif (*contradiction in adjecto*) dakwah. Etika kemanusiaan menganggap paksaan sebagai suatu kesalahan melanggar hak asasi individu dan hampir sama dengan jenayah pembunuhan. Justeru, al-Quran menekankan agar pendekatan persuasif atau memujuk hendaklah digunakan seperti firman-Nya yang bermaksud: "*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik,...*" (QS al-Nahl 16: 125). Sekiranya *al-Da'i* gagal menyakinkan *al-Mad'u*, maka biarkanlah mereka seperti firman-Nya yang bermaksud: "*...dan (sebaliknya) jika mereka berpaling (tidak mahu menerima Islam), maka sesungguhnya kewajipanmu hanyalah menyampaikan (dakwah Islam itu)...*" (QS Ali 'Imran 3: 20; al-Isra' 17: 15; Fatir 35: 18; al-Zumar 39: 7 dan al-Najm 53: 38). Seorang *al-Da'i* hendaklah mencuba sedaya-upaya tanpa jemu memujuk *al-Mad'u* moga-moga Allah SWT

memberi hidayah kepada mereka. Sekiranya mereka masih lagi tidak meyakini kebenaran dakwahnya maka serahkanlah urusan tersebut kepada Allah SWT (Al-Faruqi, 1998).

Dari sini dapat difahami bahawa Islam meraikan masyarakat yang bebas menyatakan pandangan dan berbahas mengenai agama di antara satu sama lain. Gambaran masyarakat ini boleh disamakan dengan sebuah seminar akademik yang besar di mana seseorang yang arif itu bebas menyatakan sesuatu kebenaran manakala orang lain bebas untuk mendengar dan menerimanya. Islam meletakkan keyakinan kepada rasional seseorang bagi menentukan antara yang hak dan yang batil (Al-Faruqi, 1998).

Pada pandangan penulis, analogi yang dibuat al-Faruqi sangat menarik. Para peserta dalam sebuah seminar akademik bebas untuk menerima atau menolak sesuatu pandangan yang dilontarkan oleh penceramah atau pembentang kertas kerja. Tetapi penerimaan dan penolakan sesuatu pandangan itu mestilah berasaskan kepada fakta dan hujah yang tidak bertentangan dengan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak ulama. Prinsip tiada paksaan dalam dakwah Islam adalah berdasarkan kepada penjelasan ayat al-Quran mengenai keadilan dalam proses penciptaan manusia. Paksaan merupakan suatu pencabulan terhadap kebebasan dan tanggungjawab serta mengubah hubungan manusia dengan qada' dan qadar Allah SWT (Al-Faruqi, 1998).

Pemikiran dakwah al-Faruqi dalam konteks paksaan umpamanya adalah selari dengan pemikiran dakwah ulama-ulama Islam yang lain seperti Wahbah al-Zuhayli (1932-) yang menolak sebarang unsur paksaan dalam berdakwah. Ini kerana bukti kebenaran tidak perlu ditonjolkan dengan cara paksaan sebab iman dibina dengan kerelaan, hujah dan bukti (Al-Zuhayli, 2007). Oleh sebab itu, tidak perlu kepada desakan dan paksaan sesuai dengan firman Allah SWT:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَأَمَنَّ مَنْ فِي الْأَرْضِ كُلَّهُمْ جَمِيعًا أَفَأَنْتَ تُكْرِهُ النَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. (janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang ingkar itu; kalau Tuhan tidak menghendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman? (QS Yunus 10: 99).

Kebenaran jelas berbeza dengan kebatilan. Kebenaran ialah jalan yang rasional dan kejayaan dapat dikenali lebih-lebih lagi bentuk-bentuk penyelewengan dan kesesatan sudahpun jelas. Islam mengambil pendekatan rasional sementara jalan selain daripadanya adalah sesat. Sesiapa yang mahu dia boleh beriman, begitu juga sebaliknya, sesiapa yang mahu, dia boleh kufur (Al-Zuhayli, 2007). Metode rasional ini memang telah ada dalam pemikiran al-Faruqi yang menjadi prinsip dalam berdakwah kepada Islam yang terkenal dengan slogan "*let the best argument win*" dalam dialog antara agama yang disertainya.

### 3.2 Dakwah Bukan Induksi Psikologi

Menurut al-Faruqi, dakwah tidak akan mencapai matlamatnya kecuali apabila *al-Mad'u* menerima dengan penuh kesedaran terhadap mesej yang disampaikan. Jika *al-Mad'u* menerima dakwah itu dalam keadaan tidak sedar atau separuh sedar, maka dakwah itu sendiri tidak akan sempurna. Begitu juga jika dakwah itu mengandungi kesilapan yang disengajakan

atau disampaikan dengan emosi yang meluap-luap, maka ia bukanlah suatu cara dakwah Islam (Al-Faruqi, 1998).

Dakwah bukan kerja ahli sihir, ilusi, berseronok atau sejenis psikologi. Ia adalah pekerjaan seorang Muslim yang sedar tentang tanggungjawab terhadap agamanya. Namun, dalam konteks dakwah, subjek atau *al-Mad'u* tidak berada sepenuhnya dalam kuasa *al-Da'i*. Oleh sebab itu, beliau tidak boleh membuat keputusan secara bebas (Al-Faruqi, 1998).

Hakikat bahawa prinsip dakwah adalah sesuatu yang tiada kaitan dengan induksi psikologi sebenarnya memelihara kebebasan dan kesedaran memilih bagi *al-Mad'u*. Ianya memelihara dakwah dari dilakukan secara suka-suka untuk berseronok, bebas dari kawalan atau sebarang tujuan melainkan untuk mendapat keredaaan Allah semata-mata. Sebarang tujuan yang terselindung akan hanya mencacatkan dakwah itu sendiri. Mengislamkan orang yang diperdaya tanpa kesedarannya untuk memeluk Islam adalah suatu perbuatan yang amat tercela (Al-Faruqi, 1998).

### **3.3 Dakwah Ditujukan Kepada Orang Islam Dan Bukan Islam**

Kepentingan dakwah sering kali ditekankan oleh al-Faruqi. Beliau melihat dakwah sebagai suatu tugas yang diwajibkan ke atas seluruh umat Islam. Tiada agama yang boleh mengelak daripada penyebaran sekiranya ia mempunyai asas yang intelektual (Al-Faruqi, 1968).

Al-Faruqi mengatakan bahawa berdasarkan al-Quran, jelas menetapkan bahawa dakwah mestilah langkah terakhir daripada proses intelektual yang kritikal. Kandungannya tidak hanya sekadar mesej yang telah diketahui umum. Allah SWT menjelaskan bahawa rasul dan nabi-Nya merupakan manusia berhikmah kerana Islam yang dibawa mereka dapat dipelajari dan bukan suatu penyelewengan pemikiran yang sempit. Itulah sebabnya kenapa dakwah dalam Islam tidak ditujukan kepada orang bukan Islam sahaja bahkan kepada orang Islam juga (Al-Faruqi, 1998).

Perintah dakwah kepada orang Islam dan juga bukan Islam menunjukkan bahawa Islam tidak seperti agama Kristian. Islam adalah suatu proses di mana kadang-kadang ia menaik dan menurun. Orang Islam juga tidak boleh memasuki syurga dengan sewenang-wenangnya. Mereka harus berusaha mencapai kebahagiaan tanpa mengenal erti penat dan lelah. Ia berbeza dengan konsep penyucian dosa dalam agama Kristian (Al-Faruqi, 1998).

### **3.4 Dakwah Adalah Suatu Proses Berfikiran Rasional**

Dakwah adalah proses intelektual yang kritis, tidak bersifat dogmatik, mesejnya tidak berasaskan kekuasaan, percakapan dan tradisi semata-mata. Kritis bermaksud dakwah sentiasa bersikap terbuka kepada sebarang bukti dan alternatif baru serta prihatin terhadap pengetahuan baru dalam ilmu kemanusiaan (Al-Faruqi, 1998).

Satu-satunya prinsip dalam berdakwah kepada Islam menurut al-Faruqi ialah “biarkan hujah yang terbaik menang” (*let the best argument win*) (*Ibid*). Ini menunjukkan bahawa al-Faruqi merupakan seorang pendakwah yang suka menggunakan pendekatan dialog dengan pemuka-pemuka agama lain. Beliau lebih suka sekiranya orang bukan Islam dapat memahami Islam atas dasar Islam adalah agama yang selari dengan akal fikiran, tidak menerima atau menolaknya secara membuta tuli tetapi berdasarkan pertimbangan akal yang waras. Sekiranya

mereka menerima Islam, ia merupakan suatu kemenangan tetapi sekiranya mereka mahu kekal dengan agama mereka, ia tidak menjejaskan apa-apa kerana hidayah merupakan urusan Allah SWT.

Pendekatan dialog ini juga dapat mengatasi masalah Islamofobia di kalangan penganut agama lain. Fenomena Islamofobia ini, ia adalah satu gejala yang terbit daripada sikap salah sangka dan prejudis. Sikap ini adalah satu daripada penyakit rohani yang menimpa masyarakat manusia dan ia boleh terjadi kepada sesiapa saja tanpa mengira latar belakang agama. Sikap berburuk sangka ini ialah satu penyakit yang muncul disebabkan oleh hati yang tertutup untuk menerima dan menghargai orang lain (Muhammad Razak Idris, 2010).

### **3.5 Dakwah Memerlukan Rasional**

Dakwah Islam merupakan penyampaian rasional iaitu dalam erti kata lain sesuatu yang kritis dan benar. Ia bukan sekadar suatu perisytiharan tetapi penyampaian yang berlandaskan penilaian kritis terhadap suatu nilai yang benar berdasarkan unjuran secara teori dan praktikal sesuai dengan manusia. Bagi mereka yang menentang pula, Islam mengakui kedegilan dan keingkaran mereka serta membiarkan mereka membuat keputusan sehingga Allah membimbing mereka kepada kebenaran. Islam menghormati kehendak dan keputusan seseorang bahkan menawarkan kepadanya perlindungan dan *Pax Islamica* (Al-Faruqi, 1998). Bahkan menurut sejarah, orang Islam sering mengamalkan Islam secara terbuka bukannya secara rahsia. Perbuatan membunuh pendakwah merupakan tindakan pengganas berbanding mereka yang menolak secara aman dan berdasarkan hujah. Apabila dakwah Islam tidak diterima atau ditolak dengan perkataan “Ya, saya akan fikirkan”, Islam bertindak balas dengan keadilan dan setiakawan (Al-Faruqi, 1998).

Dakwah memerlukan rasional bermaksud penerangan yang disampaikan hendaklah berdasarkan fitrah dan kebenaran yang rasional. Rasional di sini bermaksud bersedia menerima kritikan. Pandangan Islam bukanlah berasaskan kepada “akta agama” tetapi berdasarkan keyakinan yang teguh yang berasaskan ilmu dan keyakinan yang berada dalam bidang kuasa manusia untuk mengetahuinya (Al-Faruqi, 1998).

Sebagai suatu pemikiran yang berasaskan kepada rasional, dakwah menunjukkan bahawa dalam Islam, iman mempunyai hubungan yang amat rapat dengan ilmu pengetahuan sedangkan dalam agama Kristian, sebagaimana yang disebut oleh Blaise Pascal (1623-1662), ia merupakan pertarungan yang melulu. Iman dalam kalimah Arab bukan bermaksud “kepercayaan” sebagaimana dalam agama Kristian tetapi ia lebih kepada “keyakinan”. Ia tidak melibatkan upacara kesucian (Al-Faruqi, 1998).

### **3.6 Dakwah Adalah Anamnesis**

Al-Faruqi menegaskan bahawa sebagai anamnesis, dakwah didasarkan kepada perakuan bahawa agama primitif atau monoteisme boleh ditemui dalam setiap diri manusia dan apa yang perlu dilakukan adalah mengingatkannya sahaja. Sebab itu, tugas para nabi adalah memberi peringatan kepada manusia tentang fitrah yang sedia ada dalam diri mereka. Dalam memerintahkan umat Islam supaya menyeru manusia ke jalan Allah, mereka tidak disuruh menyeru kepada sesuatu yang baru atau yang di luar pengetahuan mereka. Islam adalah agama fitrah atau *religio-naturalis*. Dia mengurniakan kepada semua manusia fitrah untuk mengenali Allah SWT. Namun, apabila manusia menempuh perjalanan sejarah yang panjang,

ia menyebabkan fitrah ini dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran yang menyesatkan lalu menyebabkan ia terpesong daripada matlamatnya yang sebenar (Al-Faruqi, 1998).

Dakwah merupakan seruan kepada manusia supaya kembali kepada dirinya sendiri iaitu kembali kepada fitrah semula jadi dirinya. Seruan dakwah memerlukan kesederhanaan. Ia umpama seorang bidan yang cuba mengadun pemikiran *al-Mad'u* untuk menyingkap apa yang ia ketahui iaitu ilmu semula jadi yang Tuhan kurniakan kepadanya sejak lahir (Al-Faruqi, 1998). Nabi SAW telah menegaskan bahawa setiap bayi yang dilahirkan adalah fitrah (Muslim) maka kedua ibu bapanya yang menjadikan mereka Yahudi, Kristian, Majusi atau lain-lain.

### **3.7 Dakwah Adalah Gerakan Penyatuan Yang Unggul**

Menurut al-Faruqi, Islam sebagai sebuah agama fitrah dan visinya sebagai asas kepada semua agama dalam sejarah merupakan suatu kejayaan yang sangat besar dalam hubungan antara agama. Buat pertama kali, ianya mungkin mengakui bahawa semua agama lain sebagai ahli yang sama daripada persahabatan agama yang sejagat. Semua tradisi agama adalah bersifat *de jure*. Masalahnya sekarang ialah sejauh mana tradisi agama lain bersetuju dengan agama fitrah, iaitu agama asal dan terawal? Kedua, bagaimana untuk mengetahui perkembangan sejarah agama dan menyelidiki secara terperinci bagaimana dan bilakah sesuatu agama itu dapat diamalkan atau mengetahui sama ada ia selaras atau menyeleweng daripada agama fitrah (Al-Faruqi, 1998). Bagi menjawab persoalan ini, al-Faruqi menyatakan bahawa semua teks agama lain mesti diteliti bagi mengetahui apakah yang berlaku dalam sejarah agama mereka.

Dakwah adalah gerakan penyatuan kerana ia menganggap sebarang perdebatan antara orang Islam dan bukan Islam sebagai suatu hubungan kekeluargaan. Orang Islam datang kepada bukan Islam sambil berkata, "kita adalah satu; kita satu keluarga di bawah kekuasaan Allah dan Dia memberi kamu kebenaran bukan hanya di dalam diri kamu tetapi juga di dalam tradisi agama kamu yang *de jure* kerana sumbernya adalah dari Tuhan". Ia menjadi pergerakan penyatuan penting yang saling bekerjasama dengan agama lain berbanding dengan sikap menyerang terhadap ajaran baru (Al-Faruqi 1998). Walau bagaimanapun, menurut al-Faruqi, perbezaan antara Muslim dan non-Muslim dalam konteks keagamaan tetap ada cuma Islam mengenyahkan perbezaan ini demi untuk mencapai persefahaman (Al-Faruqi, 1998).

## **4. ISI KANDUNGAN DAKWAH**

Menurut al-Faruqi, pandangan Islam terhadap agama lain bertitik tolak daripada asas pengalaman agamanya (Al-Faruqi, 1998). Pengalaman keagamaan bagi orang Islam ialah tauhid itu sendiri iaitu pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah. Ia mengisi tempat utama di dalam kehidupan, tindakan dan pemikiran setiap Muslim (Al-Faruqi, 1992). Selain daripada itu, ia juga mengandungi enam prinsip lain yang turut menjadi dasar kepada konsep tauhid al-Faruqi sekaligus mengisi kandungan dakwah beliau iaitu:

Pertama, kalimah *La ilaha illa Allah* juga bermaksud bahawa realiti kehidupan ini bersifat dualisme iaitu ia terbahagi kepada Khaliq (Tuhan) dan makhluk (alam). Prinsip ini membezakan antara Islam dan Kristian di mana ajaran Kristian berasaskan konsep Trinitati tetapi memasukkan sifat ketuhanan Tuhan ke dalam diri manusia walaupun mereka



mengiktiraf prinsip dualisme antara Khaliq dan makhluk. Tauhid menetapkan bahawa makhluk atau kejadian tidak boleh didewakan, begitu juga ketuhanan Pencipta tidak boleh ditolak. Kedua-dua hakikat ini adalah berbeza buat selama-lamanya (Al-Faruqi, 1998).

Kedua, tauhid bermaksud Tuhan berhubung dengan kejadian yang bukan bersifat Tuhan kerana Dialah Pencipta atau penyebab utama. Oleh sebab itu, tauhid menganggap Khaliq dan makhluk adalah berhubungan antara satu sama lain tanpa mengira perbezaan mereka. Keunggulan Khaliq menjadi sebab dan matlamat terakhir kepada penciptaan makhluk. *Iradah* atau kehendak Tuhan adalah perintah dan undang-undang. Semuanya dapat diketahui secara langsung melalui wahyu atau secara tidak langsung melalui akal (Al-Faruqi, 1998).

Ketiga, tauhid bererti manusia mampu bertindak atas perbuatannya, iaitu makhluk yang bertanggungjawab atau mampu melaksanakan tindakan. Orang Islam bertanggungjawab atas perbuatannya sahaja dan tidak ada kaitan dengan perbuatan orang terdahulu. Berbanding dengan dakwaan agama lain yang menganggap manusia mewarisi “perbuatan jahat” yang dilakukan datuk dan nenek mereka. Oleh itu, perbuatan manusia itu perlu seiring dengan kehendak Tuhan bagi menyempurnakan tugas yang diamanahkan (Al-Faruqi, 1998).

Keempat, tauhid bermakna bahawa manusia adalah satu-satunya makhluk yang berupaya melaksanakan perbuatannya dengan sebaik-baiknya sebagaimana dia bebas untuk melakukannya atau tidak. Apabila dia diberi kebebasan sepenuhnya dalam melaksanakan perbuatannya lalu dia memilih untuk melakukan perbuatan yang bermoral maka dia telah memiliki kualiti unggul yang dinamakan tanggungjawab. Perbuatan ini iaitu akhlak yang baik merupakan suatu aspek yang dituntut oleh Allah SWT dan akan dibalas dengan kegembiraan, begitu juga sebaliknya. Atas dasar ini, pengadilan diperlukan bagi menilai natijah keseluruhan perbuatan yang dilakukan. Inilah yang dimaksudkan oleh agama dengan hari akhirat, syurga dan neraka (Al-Faruqi, 1998).

Kelima, tauhid bermaksud komitmen seseorang untuk menghubungkan dirinya dengan alam semula jadi dan sejarah bagi merealisasikan kehendak Tuhan. *Iradah* Tuhan bersifat produnia dan prokehidupan. Justeru, ia mengerahkan semua tenaga manusia untuk dimanfaatkan dalam kebudayaan dan peradaban. Ini bermakna bahawa dakwah Islam tidak menolak dunia sebaliknya menyeru supaya mengejar kedua-duanya. Selain itu, manusia perlu menikmati kegembiraan dalam menjalani kehidupannya kerana kehendak Tuhan nyata bertapak di bumi ini. Menolak dunia dengan mengamalkan cara hidup “bertapa” dan seumpamanya bukanlah sesuatu yang murni dalam Islam sebaliknya suatu kesesatan. Islam bersependapat dengan tradisi Mesopotamia iaitu agama adalah tamadun dan tamadun pula adalah agama (Al-Faruqi, 1998).

Keenam, akhirnya tauhid mengembalikan kemuliaan maruah manusia ketika mana sesetengah agama menganggapnya sebagai sesuatu yang “jatuh” [ke dalam dosa warisan]. Dengan menyeru seseorang untuk melaksanakan perintah Tuhan, dakwah Islam mengembalikan kewarasannya, kesucian dan maruahnyanya. Konsep “Juruselamat” tidak ada dalam Islam sebaliknya umat Islam dianggap sebagai khalifah Allah. Ajaran Islam menekankan bahawa peranan manusia di alam ini sebagai satu-satunya sebab ia diciptakan. Manusia diseru supaya mematuhi perintah Allah dalam ruang lingkup masa yang telah ditetapkan (Al-Faruqi, 1998).

Justeru, isi kandungan dakwah al-Faruqi menerangkan konsep tauhidnya yang luas merangkumi segenap aspek kehidupan. Tauhid sebagai “*the turning point*” dalam memacu

perkembangan dakwah Islam sehingga akhirnya Islam dipraktikkan oleh umatnya dan dikenali oleh masyarakat bukan Islam khususnya di Barat. Konsep tauhid beliau memiliki keunikannya yang tersendiri dan berbeza dengan konsep yang digagaskan oleh ulama Islam lain kerana ia lebih bersifat semasa serta mengikut suasana yang mana beliau berada pada masa itu. Walau bagaimanapun, ia tetap dalam ruang lingkup yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

Isi kandungan dakwah al-Faruqi yang menyeru kepada tauhid adalah selari dengan ulama-ulama Islam yang terkenal seperti Muhammad 'Abd al-Wahhab (1703-1787), Jamal al-Din al-Afghani (1838-1897), Muhammad 'Abduh (1849-1905), Muhammad Rashid Rida (1865-1935) dan lain-lain. Ini selaras dengan firman Allah SWT:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَإِن تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam" (QS Ali 'Imran 3: 64).

## 5. KESIMPULAN

Secara prinsipnya, dakwah merupakan usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia menuju keredaan Allah SWT dan ia dilakukan secara berhikmah. Dalam hal ini, al-Faruqi mengemukakan beberapa metodologi dakwah yang patut diamalkan oleh umat Islam seperti tiada paksaan dalam berdakwah, dakwah bukan induksi psikologi, dakwah hendaklah ditujukan kepada orang Islam dan juga bukan Islam, dakwah memerlukan penilaian akal yang rasional, anamnesis dan dakwah merupakan gerakan penyatuan yang unggul dan tiada tolok bandingnya.

Pendekatan al-Faruqi juga amat bertepatan dengan al-Quran yang memerintahkan para pendakwah menggunakan kaedah hikmah, peringatan yang baik dan jika sampai ke tahap berdebat, maka perdebatan berlangsung dengan cara yang terbaik. Jika dengan kaedah seperti ini mereka masih lagi tidak menerima dakwah tersebut, maka al-Quran memerintahkan pendakwah untuk membiarkan mereka dengan agama mereka. Walau bagaimanapun, penghujahan berbentuk rasional itu tidak boleh bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah yang lebih tinggi kedudukannya daripada akal menurut mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin, & Yusmini Md. Yusoff. (2001). Kaunseling dakwah: suatu pengenalan konsep. *Jurnal Usuluddin*, 13(9), 141-152.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (1997). *Pengantar dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.

- Ab. Aziz Mohd Zin. (2000). Hubungan dakwah dengan ahli korporat. *Jurnal Usuluddin*, 11(5), 59-66.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2006). Peranan dakwah dalam pembinaan Islam hadhari di Malaysia. *Melayu Islam dan Pendidikan*. (Hashim Yaacob & Hamed Mohd Adnan, Pytg), Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Attas, S. M. N. (2001). *Risalah untuk kaum muslimin*. Kuala Lumpur, Malaysia: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Attas, S. M. N. (2007). *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Al-Faruqi, I. R. (1968). *Christian ethics: a systematic and historical analysis of its dominant ideas*. Montreal, Canada: McGill University Press and Amsterdam: Djambatan.
- Al-Faruqi, I. R. (1992). *Al-tawhid: its implications for thought and life* (2<sup>nd</sup> ed.). Herndon, USA: International Institute of Islamic Thought (original work published 1982).
- Al-Faruqi, I. R. (1998). *Islam and other faiths*. (Ataullah Siddiqui, ed.). Leicester, United Kingdom: The Islamic Foundation, & Herndon, USA: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Khudrawi, D. (2010). *Qamus al-alfaz al-Islamiyyah*. (Cet. 4). Damsyik, Syria: al-Yamamah.
- Al-Sayyid al-Wakil, M. (1994). *Taqnin al-da'wah*. Jeddah, Arab Saudi: Dar al-Mujtama'.
- Al-Zuhayli, W. (2007). *Tafsir al-munir juz 3*. (Abdul Karim Ali et al., Terj.), Petaling Jaya, Malaysia: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.
- Ariffin, H. M. (1991). *Psikologi dakwah, suatu pengantar studi*. Jakarta, Indonesia: Penerbit Mizan.
- Goodlad, J. I. (1980). *New standard encyclopedia*. (vol. 13). Chicago, USA: Standard Educational Corporation.
- Mahmud, A. A. al-H. (1992). *Fiqh al-da'wah al-fardiyyah*. Kaherah, Mesir: Dar al-Wafa'.
- Mohamad Rosyidi Othman. (2009). *Sumbangan Ismail Raji al-Faruqi dalam dialog antara agama*. (Disertasi sarjana Usuluddin tidak diterbitkan). Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin & Mohd Fuad Mohd Isa. (2008). *Al-miftah mu'jam 'asriyy*. (Cet. 2). T.t.p: al-Azhar Media Enterprise.
- Muhammad Razak Idris. (2010). Dialog antara agama pupuk persefahaman. *Berita Harian*. 7/10/2010.

- Muhammad Shafiq. (1994). *Growth of Islamic thought in north America: focus on Isma'il Raji al-Faruqi*. Maryland, USA: Amana Publications.
- Noresah Baharom. (2007). *Kamus dewan edisi keempat*. (cet. 2). Kuala Lumpur, Mesir: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1997). *Penjelasan budaya ilmu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.